



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 8 JULAI 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 8 Julai 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **5,802 kes** (725,480 kes kumulatif, 89.7%);
- Kes baharu : **8,868 kes** (808,658 kes kumulatif);
- Kes import : **10 kes** (5 warganegara, 5 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **8,858 kes** [6,867 warganegara (77.5%); 1,991 bukan warganegara (22.5%)];
- Kes aktif : **77,275 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU): **952 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **445 kes**;
- Kes kematian : **135 kes** (5,903 kes kumulatif, 0.73%; 119 warganegara, 16 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **2,999 kluster**;

- Jumlah kluster baharu : **29 kluster**;
- Jumlah kluster yang telah tamat : **2,144 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **855 kluster**.

Sebanyak **135 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **63 kes** di Selangor, **24 kes** di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **sembilan (9) kes** di Johor, masing-masing **lapan (8) kes** di Negeri Sembilan dan Melaka, masing-masing **empat (4) kes** di Sarawak dan Kelantan, masing-masing **tiga (3) kes** di Sabah, Pahang, dan Perak, masing-masing **dua (2) kes** di Pulau Pinang dan Wilayah Persekutuan Putrajaya, serta masing-masing **satu (1) kes** di Terengganu dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

PENINGKATAN KES COVID-19 DI SELANGOR DAN WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR

Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di 34 mukim di Selangor dan 14 lokaliti di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dilaksanakan selama 14 hari bermula 3 Julai 2021 hingga 16 Julai 2021. Semasa PKPD, aktiviti kesihatan awam dapat dijalankan dengan lebih **bertumpu (*targeted screening*)**. Aktiviti pengesanan kontak rapat dan saringan kesihatan khususnya ke atas individu yang bergejala telah dilaksanakan dengan lebih giat bagi pengesanan awal kes COVID-19. Ini membolehkan pengasingan segera dijalankan bagi mengelakkan penularan jangkitan COVID-19 dalam komuniti.


Selain itu, KKM juga menjalankan **saringan ke atas 10 peratus dari penduduk yang tinggal di kawasan PKPD** tersebut dan keutamaan diberi kepada mereka yang **berisiko tinggi**. Justeru, jumlah kes harian COVID-19 dijangka meningkat berikutan pelaksanaan aktiviti-aktiviti kesihatan awam.

Selangor telah menyumbang sebanyak 42.02 peratus daripada 47,811 kes bagi tempoh 1 Julai 2021 hingga 7 Julai 2021 berbanding hanya 38.33 peratus daripada 40,973 kes bagi tempoh 24 Jun 2021 hingga 30 Jun 2021. Manakala, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menyumbang sebanyak 13.01

peratus pada tempoh 1 Julai 2021 hingga 7 Julai 2021 berbanding 12.29 peratus bagi tempoh 24 Jun 2021 hingga 30 Jun 2021.

PKPD yang dilaksanakan adalah berdasarkan penilaian risiko di kawasan tersebut. Hasil saringan bersasar ini menunjukkan peningkatan kes yang ketara di negeri-negeri yang berada di bawah PKPD tersebut, seperti yang dapat dilihat dalam Rajah 1 di bawah.

Rajah 1: Bilangan kes positif COVID-19 harian bagi Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dari 1 Januari 2021 hingga 8 Julai 2021



Bagi menangani keadaan kritikal berikutan peningkatan kes yang mendadak ini, beberapa tindakan telah diambil, seperti yang dimaklumkan oleh YB Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Adham Baba dalam kenyataan akhbar beliau pada hari ini. Selain itu, Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) hari ini yang dipengerusikan oleh YB Dato' Seri Ismail Sabri Yakob pula telah meluluskan agar KKM **meneruskan aktiviti penyumberluaran (*outsourcing*) ke hospital dan makmal swasta** bagi membantu meningkatkan kapasiti KKM menangani COVID-19. Antara tindakan penyumberluaran (*outsourcing*) yang telah dilakukan adalah:

- Kerajaan telah meluluskan sejumlah peruntukan untuk penyumberluaran (*outsourcing*) perkhidmatan perubatan bertujuan mengurangkan masa menunggu pesakit khususnya yang perlu menjalani pembedahan atau prosedur kritikal (*urgent / semi-urgent*) seperti rawatan jantung dan kanser sebagai langkah kesiapsiagaan hospital menghadapi wabak COVID-19. Ini akan memberi lebih banyak ruang dalam hospital KKM untuk menangani kes COVID-19 yang perlu dimasukkan ke hospital, dan pada masa yang sama memastikan rawatan kepada kes-kes bukan COVID-19 dapat terus diberikan.

- Pada tahun 2020, sebanyak RM 11 juta telah dibelanjakan oleh pihak kerajaan bagi aktiviti penyumberluaran (*outsourcing*) perkhidmatan perubatan. Aktiviti penyumberluaran (*outsourcing*) tersebut telah melibatkan 31 hospital swasta di mana 3,741 pembedahan dan prosedur telah berjaya dilaksanakan.
- Aktiviti penyumberluaran (*outsourcing*) diteruskan lagi pada tahun 2021 dan peruntukan sebanyak RM 39,087,983 telah diagihkan kepada 14 buah negeri untuk tujuan yang sama. Setakat ini sebanyak 72 buah hospital swasta terlibat di dalam aktiviti penyumberluaran di seluruh negara.
- Susulan daripada peningkatan kes yang mendadak di kawasan Lembah Klang, Hospital Kuala Lumpur telah mempertingkatkan aktiviti penyumberluaran (*outsourcing*) kepada hospital-hospital swasta yang berdekatan. Sejak 6 Julai 2021, seramai 25 pesakit telah dihantar ke hospital-hospital swasta yang dikenal pasti dan anggaran seramai empat (4) pesakit akan dihantar setiap hari. Jumlah pesakit yang akan dihantar bagi mendapatkan rawatan di hospital swasta dalam jangka masa enam (6) bulan dianggarkan seramai 993 orang yang melibatkan peruntukan berjumlah RM 18 juta.

- Selain itu, perkhidmatan makmal juga telah bekerjasama dengan pelbagai agensi untuk menambah kapasiti ujian COVID-19. Antara agensi-agensi yang terlibat adalah Kementerian Pertahanan Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), universiti-universiti awam dan swasta, serta makmal-makmal swasta yang diiktiraf.

Sehingga kini, kapasiti ujian RT-PCR bagi semua makmal yang terlibat adalah sebanyak 116,803 ujian sehari. Terkini, sebanyak 92 buah makmal yang menjalankan ujian RT-PCR di mana 24 dari makmal hospital kerajaan, tiga (3) makmal institusi, Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan (MKAK), empat (4) Makmal Kesihatan Awam (MKA), (2) makmal di Klinik Kesihatan, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR), 13 makmal di universiti, dua (2) makmal dari Kementerian Pertahanan, satu (1) makmal MOSTI dan 41 makmal swasta.

Pihak KKM akan terus komited memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat dalam apa jua keadaan yang dihadapi.

KADAR KEBOLEHJANGKITAN COVID-19 ATAU R_0 / R_T (STATUS SEHINGGA 7 JULAI 2021)

Berdasarkan data terkini pada **7 Julai 2021**, nilai R_T Malaysia adalah sebanyak **1.07**. Negeri yang mencatatkan nilai R_T yang tertinggi adalah Wilayah Persekutuan Putrajaya (nilai R_T 1.22). Manakala negeri-negeri lain yang mencatatkan R_T melebihi 1.0 adalah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (nilai R_T 1.15), Pahang (nilai R_T 1.13), Selangor (nilai R_T 1.12), Melaka (nilai R_T 1.11), Kedah (nilai R_T 1.07), Sabah (nilai R_T 1.06), Perak (nilai R_T 1.03), Negeri Sembilan (nilai R_T 1.02), dan Pulau Pinang (1.01).

Nilai R_T mengikut negeri adalah seperti di Lampiran 5 dalam kenyataan media ini.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

- **Elakkan 3S:** (elakkan kawasan yang **sesak, sempit** dan **sembang** dengan jarak yang dekat).
- **Amalkan 3W:** (Amalkan **Wash, Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

8 Julai 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1

**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 8 JULAI 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	4,152 (1)	272,993
WP KUALA LUMPUR	1,133 (4)	85,042
JOHOR	336	73,722
SABAH	279	71,468
SARAWAK	281 (2)	67,841
NEGERI SEMBILAN	897 (1)	50,314
PULAU PINANG	237 (2)	36,054
KELANTAN	135	35,751
PERAK	543	28,517
KEDAH	360	27,421
MELAKA	183	20,540
PAHANG	152	15,387
TERENGGANU	68	11,589
WP LABUAN	64	8,922
WP PUTRAJAYA	47	2,495
PERLIS	1	602
JUMLAH KESELURUHAN	8,868 (10)	808,658

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 135 kes kematian pada 8 Julai 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang Penyakit
5769	Johor	Lelaki (WN)	57	Hospital Segamat	Darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
5770	Kelantan	Perempuan (WN)	62	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Kencing manis, dislipidemia, dan jantung
5771	Pulau Pinang	Perempuan (WN)	43	Hospital Island, Pulau Pinang	Kencing manis
5772	Selangor	Perempuan (WN)	36	Hospital Sungai Buloh	-
5773	Selangor	Lelaki (WN)	67	KPJ Ampang Puteri	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan buah pinggang
5774	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	85	Hospital Jelebu	Darah tinggi
5775	Perak	Lelaki (WN)	79	Hospital Lam Wah Ee, Pulau Pinang	Kencing manis, darah tinggi, strok, dan jantung
5776	Pahang	Perempuan (WN)	65	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5777	Johor	Lelaki (WN)	66	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Kencing manis dan darah tinggi
5778	Perak	Lelaki (WN)	57	Hospital Teluk Intan	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, jantung, dan buah pinggang
5779	Melaka	Perempuan (WN)	42	Hospital Melaka	Kencing manis
5780	Selangor	Lelaki (WN)	67	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5781	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	69	Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi
5782	Melaka	Perempuan (WN)	64	Hospital Melaka	Darah tinggi dan dislipidemia
5783	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	63	Hospital Kuala Lumpur	<i>Prolapse Intervertebral Disc (PID)</i>
5784	Johor	Perempuan (WN)	39	Jenazah dibawa ke Hospital Pontian	Obesiti

5785	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	81	Hospital Jelebu	Darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
5786	Sabah	Lelaki (WN)	69	Hospital Tawau	Darah tinggi dan dislipidemia
5787	Kelantan	Lelaki (WN)	71	Hospital Jeli	Darah tinggi, jantung, buah pinggang, dan saraf
5788	Selangor	Perempuan (WN)	54	Hospital Pakar Kanak-Kanak, Universiti Kebangsaan Malaysia	Darah tinggi
5789	Selangor	Perempuan (WN)	51	Hospital Putrajaya	-
5790	Selangor	Perempuan (WN)	79	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan buah pinggang
5791	Selangor	Perempuan (WN)	60	Jenazah dibawa ke Hospital Ampang	Darah tinggi
5792	Kelantan	Lelaki (WN)	85	Hospital Tumpat	Darah tinggi, dislipidemia, jantung, dan <i>Degenerative Disc Disease (DDD)</i>
5793	Kelantan	Lelaki (WN)	58	Hospital Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5794	Selangor	Perempuan (WN)	57	Hospital Shah Alam	Kencing manis
5795	Melaka	Perempuan (WN)	42	Hospital Melaka	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang, dan obesiti
5796	Pahang	Lelaki (WN)	66	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Dislipidemia dan kanser
5797	Selangor	Perempuan (WN)	43	Hospital Sungai Buloh	Asma dan obesiti
5798	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	85	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Darah tinggi dan jantung
5799	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	75	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan strok
5800	Selangor	Perempuan (WN)	56	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan obesiti
5801	Selangor	Lelaki (WN)	61	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan tiroid
5802	Selangor	Perempuan (WN)	83	Hospital Rehabilitasi Cheras	Kencing manis dan darah tinggi
5803	Johor	Perempuan (WN)	71	Hospital Segamat	Kencing manis, darah tinggi, dan tiroid

5804	Sarawak	Lelaki (WN)	59	Hospital Sibul	Kencing manis, darah tinggi, dan asma
5805	Selangor	Lelaki (WN)	78	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	-
5806	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	72	Hospital Rehabilitasi Cheras	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
5807	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	58	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5808	Johor	Perempuan (WN)	81	Hospital Sultanah Nora Ismail, Batu Pahat	Strok
5809	Sarawak	Perempuan (WN)	72	Hospital Miri	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5810	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Paru-paru kronik
5811	Selangor	Lelaki (WN)	61	Hospital Ampang	Darah tinggi dan paru-paru kronik
5812	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	47	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5813	WP Putrajaya	Lelaki (WN)	60	Hospital Sungai Buloh	-
5814	Selangor	Perempuan (WN)	78	Hospital Ampang	Kencing manis dan darah tinggi
5815	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	54	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5816	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	66	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5817	Johor	Lelaki (WN)	85	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Hati
5818	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	66	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Obesiti
5819	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	57	Hospital Jelebu	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
5820	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	45	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan obesiti
5821	Sarawak	Lelaki (WN)	64	Hospital Miri	-
5822	Pahang	Lelaki (WN)	60	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Jantung
5823	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	63	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi, dislipidemia, jantung, strok, dan obesiti

5824	Johor	Lelaki (WN)	72	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Darah tinggi, dislipidemia, dan strok
5825	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	59	Hospital Tampin	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5826	Perak	Perempuan (WN)	60	Hospital Taiping	Darah tinggi
5827	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	90	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis dan jantung
5828	Melaka	Perempuan (WN)	66	Hospital Melaka	Kencing manis, darah tinggi, dan kanser
5829	Melaka	Lelaki (WN)	76	Hospital Melaka	Kencing manis, darah tinggi, dan paru-paru kronik
5830	Selangor	Perempuan (WN)	64	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Kencing manis dan asma
5831	Selangor	Lelaki (WN)	45	Jenazah dibawa ke Hospital Sungai Buloh	-
5832	Sabah	Perempuan (WN)	69	Hospital Lahad Datu	Darah tinggi
5833	Sarawak	Perempuan (WN)	80	Hospital Miri	Darah tinggi, dislipidemia, dan kanser
5834	Melaka	Perempuan (WN)	43	Hospital Melaka	-
5835	Selangor	Lelaki (WN)	53	Jenazah dibawa ke Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi dan asma
5836	Selangor	Perempuan (WN)	70	Hospital Putrajaya	Darah tinggi
5837	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	59	Jenazah dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya	Kencing manis
5838	Johor	Perempuan (WN)	68	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang, dan paru-paru kronik
5839	Sabah	Lelaki (WN)	38	Hospital Beaufort	Obesiti
5840	Terengganu	Perempuan (WN)	61	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Kencing manis dan darah tinggi
5841	Selangor	Lelaki (WN)	87	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Darah tinggi
5842	Selangor	Perempuan (WN)	83	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Darah tinggi
5843	Selangor	Perempuan (WN)	76	Hospital Kajang	Kencing manis, darah tinggi, jantung, buah pinggang, dan kanser

5844	Selangor	Perempuan (WN)	75	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5845	Selangor	Perempuan (WN)	73	Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi dan buah pinggang
5846	Selangor	Perempuan (WN)	71	Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi, strok, dan buah pinggang
5847	Selangor	Lelaki (WN)	68	Hospital Selayang	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
5848	Selangor	Lelaki (WN)	68	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis
5849	Selangor	Lelaki (WN)	66	Hospital Kuala Lumpur	Jantung
5850	Selangor	Perempuan (WN)	66	Hospital Selayang	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5851	Selangor	Lelaki (WN)	65	Hospital Selayang	Kencing manis
5852	Selangor	Lelaki (WN)	65	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Buah pinggang
5853	Selangor	Lelaki (WN)	64	Jenazah dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya	-
5854	Selangor	Lelaki (WN)	65	Jenazah dibawa ke Hospital Selayang	-
5855	Selangor	Perempuan (WN)	64	Hospital Selayang	Kencing manis dan darah tinggi
5856	Selangor	Lelaki (WN)	64	Jenazah dibawa ke Hospital Selayang	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5857	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5858	Selangor	Perempuan (WN)	63	Hospital Kajang	Kencing manis
5859	Selangor	Lelaki (WN)	63	Hospital Ampang	-
5860	Selangor	Lelaki (WN)	61	Hospital Selayang	Darah tinggi, jantung, dan paru-paru kronik
5861	Selangor	Lelaki (WN)	59	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis dan darah tinggi
5862	Selangor	Perempuan (WN)	58	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
5863	Selangor	Lelaki (WN)	57	Hospital Kajang	Kencing manis, darah tinggi, dan hati kronik
5864	Selangor	Lelaki (WN)	56	Hospital Serdang	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang

5865	Selangor	Perempuan (WN)	56	Hospital Kuala Lumpur	Kanser
5866	Selangor	Lelaki (WN)	54	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
5867	Selangor	Lelaki (WN)	54	Hospital Kajang	-
5868	Selangor	Lelaki (WN)	49	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
5869	Selangor	Lelaki (WN)	49	Jenazah dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya	Kencing manis dan darah tinggi
5870	Selangor	Perempuan (WN)	44	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Asma
5871	Selangor	Lelaki (WN)	78	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan jantung
5872	Selangor	Lelaki (WN)	57	Hospital Kajang	Hati
5873	Selangor	Lelaki (WN)	53	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	-
5874	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	68	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, jantung, dan asma
5875	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	64	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
5876	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	64	Jenazah dibawa ke Hospital Kuala Lumpur	-
5877	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	61	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis, jantung, dan paru-paru kronik
5878	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	59	Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi
5879	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	54	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi, dislipidemia, dan kanser
5880	Johor	Perempuan (WN)	44	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Kencing manis dan darah tinggi
5881	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	89	Hospital Jelevu	Darah tinggi
5882	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	41	Hospital Rembau	-
5883	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	50	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
5884	Melaka	Perempuan (WN)	85	Jenazah dibawa ke Hospital Alor Gajah	-
5885	Melaka	Lelaki (WN)	46	Hospital Melaka	Kencing manis

5886	WP Labuan	Lelaki (WN)	63	Hospital Labuan	-
5887	WP Putrajaya	Lelaki (WN)	71	Hospital Putrajaya	-
5888	Selangor	Lelaki (BWN)	53	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	-
5889	Selangor	Perempuan (BWN)	56	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Kencing manis
5890	Pulau Pinang	Lelaki (BWN)	29	Hospital Kepala Batas	-
5891	Selangor	Lelaki (BWN)	70	Hospital Kuala Lumpur	-
5892	Selangor	Lelaki (BWN)	74	Hospital Ampang	-
5893	Selangor	Perempuan (BWN)	38	Hospital Selayang	-
5894	Selangor	Perempuan (BWN)	35	Jenazah dibawa ke Hospital Selayang	-
5895	Selangor	Lelaki (BWN)	36	Jenazah dibawa ke Hospital Sungai Buloh	-
5896	Selangor	Lelaki (BWN)	59	Jenazah dibawa ke Pusat Perubatan Universiti Malaya	-
5897	Selangor	Perempuan (BWN)	56	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	-
5898	Selangor	Lelaki (BWN)	43	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	-
5899	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	36	Hospital Kuala Lumpur	-
5900	WP Kuala Lumpur	Perempuan (BWN)	43	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis dan obesiti
5901	WP Kuala Lumpur	Perempuan (BWN)	40	Hospital Kuala Lumpur	-
5902	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	39	Jenazah dibawa ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	-
5903	WP Kuala Lumpur	Lelaki (BWN)	61	Jenazah dibawa ke Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

LAMPIRAN 3

Perincian 8,868 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 8 Julai 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	4,152	141	2,662	1	1,348
WP KUALA LUMPUR	1,133	385	426	4	318
NEGERI SEMBILAN	897	407	316	1	173
PERAK	543	423	36	-	84
KEDAH	360	148	106	-	106
JOHOR	336	162	120	-	54
SARAWAK	281	31	189	2	59
SABAH	279	182	57	-	40
PULAU PINANG	237	115	54	2	66
MELAKA	183	41	105	-	37
PAHANG	152	77	68	-	7
KELANTAN	135	79	27	-	29
TERENGGANU	68	18	32	-	18
WP LABUAN	64	31	24	-	9
WP PUTRAJAYA	47	8	29	-	10
PERLIS	1	-	1	-	-
JUMLAH KESELURUHAN	8,868	2,248	4,252	10	2,358

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4

KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA PADA 8 JULAI 2021

No.	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah disaring
1	Jalan Radin Dua	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Lembah Pantai	18	39
2	Jalan Medan Putra	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong	12	22
3	Taman Perusahaan Kepong	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong	7	65
4	Tapak Bina Jalan Sri Permaisuri	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Cheras	132	201
5	Industri Jaya Sungai Buloh	Tempat Kerja	Selangor	Gombak dan Petaling	16	67
6	Putra Dua	Tempat Kerja	WP Putrajaya, WP Kuala Lumpur, dan Selangor	Putrajaya, Titiwangsa, dan Petaling	13	43
7	Industri Sungai Lalang	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	52	531
8	Tapak Bina Jenderam Hilir	Tempat Kerja	Selangor	Sepang dan Hulu Langat	32	90
9	Industri Bunga Tanjung	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban, Jelebu, dan Rembau	39	208
10	Industri Sendayan Metropark	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban	32	48
11	Industri Emas Satu	Tempat Kerja	Negeri Sembilan	Seremban	103	206
12	Jalan Daiman	Tempat Kerja	Johor	Kota Tinggi	11	150
13	Jalan Harmonium 33	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	8	29
14	Industri Bakri Empat	Tempat Kerja	Johor	Muar	13	24
15	Jalan Tanah Putih	Tempat Kerja	Pahang	Kuantan	25	149
16	Jalan Gebeng 1/11	Tempat Kerja	Pahang	Kuantan	15	91
17	Industri Jalan Stapunal	Tempat Kerja	Kelantan	Kuala Krai dan Machang	16	269
18	Lebuhraya Pantai Baru	Tempat Kerja	Perak	Manjung	22	143
19	Dah 90 Industri Sungai Petani	Tempat Kerja	Kedah	Kuala Muda	20	232
20	Taman Tanjung Mas	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	15	23
21	Kampung Batu 8 1/4	Komuniti	Kelantan	Kota Bharu	10	15
22	Kampung Istimewa 2	Komuniti	Sabah	Sandakan	27	261
23	Lumadan	Komuniti	Sabah	Beaufort	46	110
24	Bandar Baru Sentul 2	Komuniti	WP Kuala Lumpur	Kepong	55	311
25	Sega	Komuniti	Sarawak	Bau dan Kuching	19	61
26	Taman Tasek Solok Dua	Komuniti	Perak	Kinta	19	29
27	Titian 2	Komuniti	WP Labuan	Labuan	37	870
28	Jalan Ria	Kumpulan Berisiko Tinggi	Johor	Muar	29	65

29	Jalan Jenderam Hulu	Pendidikan tinggi	Selangor	Selangor dan Petaling	15	153
----	---------------------	-------------------	----------	-----------------------	----	-----

LAMPIRAN 5

NILAI R_T MENGIKUT NEGERI BERDASARKAN KES YANG DILAPORKAN PADA 7 JULAI 2021

NEGERI	NILAI R_T
WP PUTRAJAYA	1.22
WP KUALA LUMPUR	1.15
PAHANG	1.13
SELANGOR	1.12
MELAKA	1.11
KEDAH	1.07
SABAH	1.06
PERAK	1.03
NEGERI SEMBILAN	1.02
PULAU PINANG	1.01
TERENGGANU	0.97
JOHOR	0.95
WP LABUAN	0.94
SARAWAK	0.88
KELANTAN	0.88
PERLIS	0
MALAYSIA	1.07